

28 JUL 2003

Mahathir-Jawatan/I

DR MAHATHIR ULANGI PENDIRIAN UNTUK BERUNDUR

PETALING JAYA, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi bahawa beliau akan berundur daripada jawatannya sebagai pemimpin negara seperti mengikut perancangan.

Dalam menjawab satu permintaan di Konvensyen Usahawan Cina Dunia Ke 7 supaya beliau terus menerajui negara, Perdana Menteri berkata beliau berbesar hati kerana ramai masih mahukan beliau untuk terus memimpin negara.

"Saya telah membuat pengumuman bahawa saya akan berundur. Jika saya tidak berundur saya akan kehilangan kredibiliti dan jika saya kehilangan kredibiliti, saya tidak berguna kepada sesiapa pun," katanya.

Ditanya lagi sama ada beliau akan dapat mengambil bahagian dan menghulurkan sokongan kepada para pemimpin Asia selepas berundur, Dr Mahathir berkata beliau tidak lagi dapat mengeluarkan arahan kerana beliau bukan lagi Perdana Menteri.

Mengenai sama ada beliau masih boleh memberikan nasihat bagaimana membantu Asia untuk membawa keadilan dan maruah, katanya, "Jika anda memerlukan saya bercakap, Saya akan bercakap sehingga muka saya bertukar biru. Jika anda memerlukan nasihat saya mengenai Asia dan keamanan, pasti saya gembira untuk bercakap dan meninjau mengenainya. Itu sahaja yang saya boleh buat."

Bagaimanapun, katanya, beliau berharap dapat meneruskan persahabatan bersama pemimpin-pemimpin semasa Asia.

Sementara itu, Dr Mahathir yang merasmikan konvensyen itu di sini, hari ini menerima sambutan gemuruh daripada lebih 3,000 perwakilan di konvensyen itu yang menyaksikan sesi soal jawab yang aktif bersama Perdana Menteri.

Menyentuh soal kesihatan, beliau berkata dunia kini menghadapi masalah kerana perjalanan dari satu tempat ke tempat lain boleh dilakukan dengan lebih cepat.

Beliau berkata, manusia mengembara, membawa dan menyebarkan penyakit-penyakit seperti yang berlaku dengan wabak SARS (Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk).

Tempoh mengeram bagi penyakit itu mengambil masa yang lebih lama dan ia tidak menunjukkan kesan jangkitan dengan segera.

"Oleh sebab itu, penyakit perlu diteliti bukan seperti dahulu. Oleh kerana tempoh masa perjalanan adalah yang singkat, kuarantin tidak lagi berkesan seperti sebelum ini."

"Sekarang anda boleh sampai di satu destinasi dan menunjukkan simptom tetapi tidak boleh mengkuarantin orang itu," katanya.

Selain daripada itu, para doktor dan kakitangan perubatan juga terdedah kepada penyakit baru.

Dalam menghadapi penyakit-penyakit baru di masa depan, beliau merayu supaya penyelidikan dijalankan dalam perubatan tradisional/herba untuk mengubati penyakit-penyakit itu.

Apabila ditanya mengenai papan tanda besar di pintu-pintu masuk negara ini mengenai amaran terhadap pengedar dadah yang boleh menakutkan pelabur, beliau berkata, "kita akan bertindak tidak adil kepada orang jika tidak memaklumkan betapa seriusnya jenayah itu."

Jika tiada penyeludupan, maka tiada apa untuk dikhuatiri.

"Ia bukan penghalang. Tetapi saya biarkannya kepada Perdana Menteri baru untuk buat keputusan. Saya tidak akan melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan masalah kepadanya," tegas beliau.

-- BERNAMA
SHO HM PR